

Headline	Bantahan penyahwartaan hutan simpan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	112,050
Page No	19	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	362 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,155
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,464



Bantahan penyahwartaan hutan simpan

KAWASAN cadangan
penyahwartaan 28.3 hektar
Hutan Simpan Bukit Lagong,
Gombak, Selangor. - GOOGLE



SAUDARA PENGARANG,

SAYA mewakili penduduk yang menetap berhampiran Hutan Simpan Bukit Lagong, Gombak, Selangor membantah cadangan penyahwartaan sebanyak 70 ekar (28.3 hektar) hutan berkenaan untuk dijadikan projek perumahan.

Tapak yang dicadangkan itu berada di sebelah utara taman kami dan mempunyai kecerunan lebih daripada 20 darjah (cerun kelas tiga dan empat) yang mempunyai ketinggian altitud antara 100-200 meter dari aras laut.

Disebabkan itu, sebarang pembangunan di tapak itu semestinya akan menyebabkan impak alam semula jadi yang serius kepada semua penduduk Taman Amansiara dan sekitarnya.

Contohnya, pada 2009 apabila Taman Amansiara dibina, kawasan taman kami sering dilanda tanah runtuh dan kejadian paling serius dilaporkan pada 4 November

2009 apabila tanah runtuh berlaku dan menutupi jalan raya Kuala Lumpur-Rawang di kedua-dua haluan.

Walaupun tiada kemalangan maut, laluan trafik dua hala terpaksa ditutup untuk jangka masa lama dan mengakibatkan kesulitan kepada penduduk dan pengguna jalan raya.

Tambahan pula, kawasan sekitar Taman Amansiara mempunyai struktur tanah yang lemah, jelas terpapar dengan bukti gambar-gambar dalam internet mengenai rumah di situ bermasalah dengan keretakan.

Kejadian banjir kilat yang menyebabkan kesesakan lalu lintas juga sering dialami bukan sahaja penduduk Taman Amansiara tetapi seluruh warga kota yang saban hari menggunakan jalan raya Kuala Lumpur-Rawang.

Di samping itu, disebabkan kejadian tanah runtuh yang kerap berlaku, 45 banglo mewah di Templer Hills berhampiran taman kami yang telah siap dibina pada 2013 masih tidak mendapat sijil layak menduduki

(CF) disebabkan oleh isu-isu tidak didebak.

Selain itu, di sekitar tapak yang dicadangkan untuk penyahwartaan itu tidak kurang rumahnya, kerana terdapat pelbagai taman contohnya Selayang Heights, Dolomite Templer, Taman Bukit Templer, Taman Templer Saujana dan Taman Templer Park yang masih ada kekosongan kerana kadar penghunian adalah rendah.

Disebabkan itu, kawasan cadangan tapak itu untuk dinyahwartakan serta sekitarnya amatlah tidak sesuai untuk sebarang pembangunan rumah baharu. Kawasan itu dan persekitarannya adalah kawasan sensitif alam sekitar dan telah dipilih sebagai zon penampungan teras kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang juga kawasan tадahan air hujan dan kaya dengan flora serta fauna.

PENDUDUK TAMAN AMANSIARA
Rawang, Selangor